PENANG

1 - 15 JUN, 2024

PENANG 2030

BULETIN MUTIARA

PERCUMA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# Tanam sejuta pokok

## terima pengiktirafan MBOR

Oleh : **NUR ASHIKIN ISMAIL & SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **ALISSALA THIAN, SITI NURATIKAH RAHMAT & NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**



**MOMEN penanaman pokok ke satu juta yang berjaya dirakam sempena Hari Bumi dekat perkarangan Anjung Seri Mutiara dekat sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN** – Pulau Pinang berjaya melakar satu lagi sejarah tersendiri apabila menerima pengiktirafan *Malaysia Book of Records* (MBOR) bagi program Penanaman Satu Juta Pokok Dalam Sehari sempena Sambutan Hari Bumi pada 22 April lalu.

Pengiktirafan tersebut disahkan oleh Ketua Pegawai Operasi MBOR, Christopher Wong Hong Wai setelah program yang dianjurkan oleh Yayasan Amal TYT Negeri Pulau Pinang itu berjaya mencapai sasaran tepat jam 11.30 pagi.

Penanaman pokok yang ke satu juta pada hari berkaitan telah disempurnakan oleh Yang Dipertua Negeri (TYT), Tun Ahmad Fuzi Abdul Razak dan isteri, Toh Puan Khadijah Mohd. Nor dekat perkarangan Anjung Seri Mutiara di sini.

Ketika berucap, Ahmad Fuzi menyifatkan kejayaan tersebut sebagai satu kemenangan bersejarah bagi rakyat negeri Pulau Pinang.

Pada majlis sama, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa penganjuran program tersebut akan memberikan manfaat kepada seluruh warga Pulau Pinang.

"Pencapaian penanaman satu juta pokok adalah sangat penting dalam usaha menghijaukan Pulau Pinang, selari dengan Visi Penang2030 dalam menjadikan negeri ini sebagai sebuah Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara.

"Syabas diucapkan kepada Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Amal TYT Pulau Pinang, Dato' Seri Sr. Rozali Mohamud yang telah bekerja keras dan memainkan peranan amat penting dalam kerja-kerja perancangan program, mengkoordinasikan sumber-sumber diperlukan, mengatur sumber manusia, memotivasikan tenaga kerja dan seterusnya memantau sehingga program ini mencapai kejayaan.

"Di samping itu, sasaran menanam 500,000 batang pokok telah dicapai, dan hari ini kita mencatat sejarah baru dengan menanam satu juta lebih pokok dan akan menjadi tambahan kepada pokok-pokok yang sedia ada di negeri ini," ujarnya ketika menyampaikan ucaptama pada program tersebut, di sini.

Hadir sama, Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri (DUN), Dato' Law Choo Kiang; Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid; Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Dato' Rosli Isa; barisan Exco Kerajaan Negeri serta Ketua-ketua Jabatan.

*(Sambungan di muka 2).*

# 'Forest Planting' hijaukan kawasan bandar

Teks & Gambar : **NURUL HAWA FARAHIN HAMEDDY**

**SUNGAI PINANG** – Sempena Sambutan Hari Bumi yang diraikan pada 22 April, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dengan kerjasama pertubuhan bukan kerajaan (NGO) *Malaysian Humanitarian Foundation, Earthday Organization* dan *World Cleanup Day* (LDIW) mengambil inisiatif menanam beberapa batang pokok teduhan di Taman Areca dekat Persiaran Karpal Singh di sini.

Datuk Bandar bagi MBPP, Dato' Ir. A. Rajendran berkata, tujuan inisiatif berkaitan dilaksanakan adalah untuk meningkatkan kehijauan bukan sahaja di Taman Areca *(Sungai Pinang Park)*, malah di kawasan bandar sedang membangun seperti Sungai Pinang ini.



**LIM Siew Khim (barisan hadapan, lima dari kanan), Ir. A. Rajendran (barisan hadapan, empat dari kanan) dan barisan jemputan menyempurnakan gimik pelancaran Majlis Perasmian 'Forest Planting' bersempena Sambutan Hari Bumi di sini baru-baru ini.**

"Semakin hari suhu semakin meningkat kesan daripada urbanisasi dan ini amat membimbangkan kerana mampu menjejaskan kesihatan seseorang.

"Oleh itu, penanaman semula pokok banyak membantu kerana mengikut kajian, spesies kayu tropika telah dikenal pasti mampu tumbuh subur meskipun dalam persekitaran yang panas," ujarnya pada Majlis Perasmian 'Forest Planting' di Taman Areca pada 22 April 2024.

Dalam pada itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim yang hadir menyempurnakan gimik perasmian penanaman pokok pada majlis tersebut berharap lebih banyak lagi NGO dan orang perseorangan tampil menyertai inisiatif murni seperti ini.

"Inisiatif seperti ini mampu mencipta masa hadapan yang lebih baik untuk kita semua dan generasi akan datang.

"Maka, saya menyeru agar lebih ramai anggota masyarakat daripada pelbagai latar belakang menyertai Kerajaan Negeri dalam memerangi perubahan iklim dan menjadikan Pulau Pinang lebih hijau," jelasnya yang juga merupakan Exco Pembangunan Sosial, Kebajikan dan Hal Ehwal Bukan Islam.

Setiausaha Bandaraya MBPP, Sr. Cheong Chee Hong; barisan Ahli Majlis MBPP dan beberapa wakil NGO antara yang turut serta dalam program tersebut.

Difahamkan, seramai 42 peserta daripada pelbagai negara seperti Estonia, Vietnam, Indonesia, Pakistan dan lain-lain juga hadir menyertai program berkaitan di sini.

*(Sambungan dari muka 1).*

# 'Pulau Pinang menggoncang Malaysia'

Sementara itu, ketika berucap pada Majlis Penanaman 150,000 Pokok Peringkat Parlimen Batu Kawan, Kon Yeow turut menzahirkan penghargaan kepada semua pihak yang telah berusaha menjayakan program tersebut.

Beliau berkata, penganjuran program tersebut adalah penting demi memastikan bumi sentiasa sihat dan terjaga seterusnya menjadi tempat untuk manusia, haiwan dan lain-lain meneruskan kehidupan.

"Saya bersyukur kerana Pulau Pinang berjaya menggoncang Malaysia melalui pelaksanaan program menanam satu juta pokok dalam masa sehari.

"Walaupun program ini kelihatan tidak mungkin untuk dilaksanakan, namun berkat usaha semua pihak terutamanya TYT (Tun Ahmad Fuzi Abdul Razak) yang telah mencadangkan inisiatif ini, maka akhirnya ia dapat direalisasikan.

"Oleh itu, saya ucapkan terima kasih kepada seluruh penduduk Pulau Pinang, agensi-agensi kerajaan Negeri dan Persekutuan, para penaja dan barisan sukarelawan yang sanggup melapangkan masa untuk menjayakan inisiatif ini," katanya.

Tambah beliau, agenda hijau sering diberikan perhatian oleh Kerajaan Negeri memandangkan Pulau Pinang mempunyai dasar Hijau, Bersih, Sihat dan Selamat sejak sekian lama.

"Saya percaya apa yang kita lakukan hari ini, akhirnya akan memberi manfaat bukan sahaja kepada generasi hari ini tetapi juga dapat dinikmati oleh generasi akan datang," katanya.

Difahamkan, daripada lebih sejuta pokok yang ditanam, sebanyak 250,000 pokok dibekalkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP, 150,000), Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP, 150,000), Tenaga Nasional Berhad (TNB, 50,000), Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang (35,000), Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC, 19,000), lima Pejabat Daerah yang mana masing-masing menyumbangkan 100,000 batang pokok.



**KETUA Pegawai Eksekutif Yayasan Amal TYT Negeri Pulau Pinang, Sr. Rozali Mohamud (bersongkok) menerima sijil MBOR bagi program Penanaman Satu Juta Pokok Dalam Sehari Sempena Sambutan Hari Bumi dekat Anjung Seri Mutiara di sini pada 22 April 2024.**

Oleh: **AZMI HUSSIN**



# Klinik Kesihatan Bayan Lepas

## dinaik taraf suntik selesa umum

Oleh : **NURUL HAWA FARAHIN HAMEDDY**
Gambar : **AHMAD ADIL MOHAMMAD**

**PROJEK** menaik taraf Klinik Kesihatan (KK) Bayan Lepas dijangka bermula menjelang akhir tahun ini, kata Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bayan Lepas, **DATO' AZRUL MAHATHIR AZIZ.**



**AZRUL Mahathir Aziz.**

Menurut Azrul Mahathir, projek menaik taraf itu kini masih dalam proses rundingan reka bentuk melibatkan pembesaran premis bagi menampung kapasiti pesakit sehingga 800 pesakit sehari.

"Penaiktarafan KK Bayan Lepas ini telahpun mendapat kelulusan daripada Kerajaan Persekutuan yang mana ia akan membawa perubahan yang signifikan kepada penduduk di sini.

"Projek ini juga akan memberi akses perkhidmatan kesihatan yang lebih baik kepada masyarakat komuniti setempat," ujarnya ketika ditemui pada sidang media yang diadakan di sini pada 17 April 2024.

Mengulas lanjut, Azrul Mahathir yang juga Timbalan Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri (DUN) memaklumkan bahawa selain meningkatkan kapasiti di KK Bayan Lepas, aspek tempat letak kereta juga akan diperluaskan.

"Ini bagi menampung lebih ramai pesakit yang datang mendapatkan rawatan.

"Langkah ini akan membantu mengurangkan kesesakan di klinik yang selalu penuh sesak dengan lebih daripada 500 orang yang datang untuk mendapatkan rawatan setiap hari," katanya yang juga percaya bahawa projek tersebut bakal memberi keselesaan kepada pesakit.

Beliau turut memberitahu bahawa klinik baharu di Relau dibuka pada 22 April 2024.

"Pembukaan klinik tersebut adalah bertujuan untuk meningkatkan akses kepada perkhidmatan kesihatan di kawasan tersebut.

"Klinik tersebut juga memiliki kapasiti untuk menerima sehingga 300 pesakit dalam masa sehari.

"(Dan) ini menandakan bahawa komitmen Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan dalam meningkatkan infrastruktur kesihatan tempatan sentiasa diberi perhatian," jelasnya.



**BAHARUDIN Abd. Hamid.**

Dalam pada itu, **BAHARUDIN ABD. HAMID**, 72, yang menemani isterinya untuk mendapatkan rawatan susulan berharap agar tempat letak kereta bertingkat dapat dibangunkan di sini.



**AZMI Ibrahim.**



**KERETA pengguna yang terpaksa diparkir di tepi jalan.**



**ZUBER Bakar.**

"Keadaan di sini agak sesak, kalau boleh saya harap naik taraf tempat letak kereta.

"Boleh juga sediakan ruang menunggu yang lebih selesa sebab saya lihat ibu bapa yang bawa anak kecil terpaksa berpanasan dan tidak selesa ketika menunggu giliran," katanya yang ditemui Buletin Mutiara di sini.

Bagi **AZMI IBRAHIM**, 63, beliau sering menghantar isterinya ke KK Bayan Lepas perlu menunggu lama sebelum boleh berjumpa dengan doktor.

"Saya di sini mai awal pagi tapi sehingga tengah hari masih belum siap, namun saya faham kerana hari ni hari janji temu, memang ramai.

"Kalau boleh luaskan kapasiti, agar waktu menunggu menjadi lebih singkat," jelasnya.

Sejak 20 tahun lalu, **ZUBER BAKAR**, 66, sering berulang alik ke KK Bayan Lepas bagi mendapatkan rawatan, jadi beliau memahami keadaan klinik tersebut.

"Kalau KK Bayan Lepas hendak dinaik taraf, pendapat saya mungkin juga boleh dinaik taraf dari segi mesin-mesin yang lama.

"Selain itu, saya rasa tempat letak kereta dan ruang menunggu juga mungkin boleh dinaik taraf sekali," serunya,

Rata-rata pesakit dan pengunjung yang menghantar ahli keluarga ke klinik tersebut turut memberitahu perkara sama bahawa keadaan semasa yang agak sesak dan kurang selesa terutama pada hari Isnin.





**RUANG menunggu yang kurang selesa dan khemah tambahan terpaksa didirikan bagi menampung keperluan pengguna.**

# Simpan SSPN untuk pendidikan,

> "Matlamatnya adalah untuk melahirkan graduan tanpa hutang dan dengan Simpan SSPN ia dapat merealisasikan impian dan cita-cita untuk memastikan anak-anak terus mendapat pendidikan yang sempurna.".
>
> **- NORLIZA Abdul Rahim.**



**NORLIZA Abdul Rahim ketika ditemu ramah di Komtar baru-baru ini.**

**SEMENJAK** diperkenalkan pada tahun 2004 sebagai salah satu instrumen yang membantu ibu bapa membuat perancangan kewangan pendidikan tinggi anak-anak, Skim Simpanan Pendidikan Nasional atau lebih dikenali sebagai Simpan SSPN menawarkan pelbagai keistimewaan serta manfaat kepada pendeposit termasuk pelepasan cukai taksiran sehingga RM8,000 setahun.

Selain itu, melalui Simpan SSPN juga, perlindungan takaful turut diberikan secara percuma di samping menawarkan Geran Sepadan sehingga RM10,000 untuk satu keluarga yang layak dengan kadar dividen kompetitif dan simpanan dijamin kerajaan serta patuh syariah.

Baru-baru ini, wartawan Buletin Mutiara, **AINUL WARDAH SOHILLI** bersama-sama jurugambar, **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI** berkesempatan menemu bual Pengerusi Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), **DATO' NORLIZA ABDUL RAHIM** di Komtar.

Membuka bicara, Norliza memberitahu bahawa Simpan SSPN kekal sebagai produk paling 'laku' dan sering menjadi pilihan ibu bapa untuk memulakan simpanan pendidikan untuk anak-anak mereka.

"Sememangnya, PTPTN sedia membantu ibu bapa membuat perancangan kewangan bagi tujuan pendidikan seawal usia anak itu dilahirkan.

"Matlamatnya adalah untuk melahirkan graduan tanpa hutang dan dengan Simpan SSPN ia dapat merealisasikan impian dan cita-cita untuk memastikan anak-anak terus mendapat pendidikan yang sempurna.

"(Dan) saya amat berterima kasih kepada kerajaan kerana telah melanjutkan insentif pelepasan cukai taksiran kepada pendeposit Simpan SSPN sehingga tahun taksiran 2024," ujarnya pada sesi wawancara baru-baru ini.

Beliau yang ditemani Pengarah PTPTN Pulau Pinang, **MUHAMMAD MUHSIN ABDUL RAHMAN** berkata, terdapat dua jenis Simpan SSPN, iaitu Simpan SSPN Plus dan Simpan SSPN Prime.

"Simpan SSPN Prime terbuka kepada semua warganegara tanpa sebarang syarat ditetapkan yang mana deposit boleh dibuat pada bila-bila masa dengan sebarang jumlah.

"Manakala bagi Simpan SSPN Plus pula, terbuka kepada warganegara Malaysia dengan jumlah deposit bulanan ditetapkan mengikut pakej yang dipilih.

"Terdapat enam pakej iaitu Pakej Intan yang mana deposit serendah RM30 sebulan; Pakej Delima (RM50/bulan); Pakej Topas (RM100/bulan); Pakej Zamrud (RM200/bulan); Pakej Nilam (RM300/bulan) dan Pakej Berlian (RM500/bulan).

"Untuk pakej-pakej ini, tiada pemeriksaan kesihatan diperlukan kecuali Pakej Berlian yang mana pendeposit perlu menjawab tiga soalan kesihatan," jelasnya.

Dalam pada itu, beliau turut menyeru ibu bapa untuk membuka akaun Simpan SSPN untuk anak-anak.

"PTPTN kini sedang dalam kempen Cabutan Wow Simpan SSPN 2024 bermula 1 Januari sehingga 31 Disember 2024 yang menawarkan hadiah keseluruhan bernilai lebih RM1.3 juta kepada 983 pemenang.

"Maka, kepada ibu bapa yang masih belum membuka akaun Simpan SSPN, buka akaun segera…buka akaun seawal anak dilahirkan bukan hanya untuk menyertai kempen ini sahaja tetapi juga supaya tidak perlu melakukan pinjaman untuk pendidikan tinggi anak kelak," jelasnya.

Pada 6 April lalu, PTPTN mengumumkan agihan dividen Simpan SSPN untuk tahun 2023 sebanyak 3.60 peratus membabitkan anggaran peruntukan RM357.65 juta kepada 6.25 juta pendeposit.

Laporan media arus perdana melaporkan bahawa dividen 3.60 peratus bagi tahun 2023 itu adalah lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya iaitu 3.05 peratus.

## Kolaborasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Bercakap mengenai kerjasama PTPTN dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Program Anak Emas, Norliza memaklumkan bahawa ia merupakan inisiatif atas keprihatinan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk memupuk budaya menabung seawal usia.

"Inisiatif ini memang patut dibanggakan kerana melaluinya, anak-anak yang dilahirkan di Pulau Pinang akan menerima bayaran tunai sebanyak RM200 yang mana RM100 dikreditkan ke akaun pemohon dan RM100 lagi dikreditkan untuk membuka akaun Simpan SSPN Prime.

"Saya amat berterima kasih kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang kerana memilih Simpan SSPN sebagai instrumen terbaik sebagai langkah awal penabungan untuk pendidikan," katanya.



**NORLIZA Abdul Rahim (dua dari kiri) ketika mengadakan kunjungan hormat ke atas Ketua Menteri dekat pejabat beliau di Komtar baru-baru ini.**

## myWaqafPTPTN Untuk Semua

Baru-baru ini, PTPTN melakar satu lembaran baharu dengan mewujudkan myWaqafPTPTN dalam usaha membantu golongan pelajar yang memerlukan melalui kaedah mempelbagaikan saluran dana.

Mengulas mengenainya, Norliza berkata, bermula 1 Ramadan lalu, PTPTN telah menjalinkan kerjasama strategik dengan Yayasan Wakaf Malaysia (YWM).

"Inisiatif myWaqafPTPTN ini membolehkan sumbangan diterima daripada orang ramai, syarikat-syarikat korporat atau mana-mana organisasi yang sah di sisi undang-undang, digunakan untuk membantu mahasiswa dalam bentuk biasiswa pendidikan tinggi.

"Ini akan mengurangkan bebanan bayaran balik pinjaman atau keberhutangan mahasiswa apabila tamat pengajian nanti.

"Menariknya, setiap sumbangan kepada myWaqafPTPTN ini, layak mendapat potongan cukai sebanyak 10 peratus daripada pendapatan agregat (di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967).

"Bagi penerima pula, mereka mestilah terdiri daripada pelajar yang mendapat pinjaman PTPTN dan daripada golongan B40 serta M40 termasuk asnaf atau penerima bantuan berdaftar di bawah Majlis Agama Islam Negeri.

"(Dan) ia tidak hanya terhad kepada orang Islam sahaja, terbuka juga kepada mereka yang bukan Islam sekali gus memastikan lebih ramai mahasiswa dibantu untuk kelestarian pendidikan tinggi negara, sesuai dengan slogan PTPTN iaitu 'Pendidikan Tinggi Untuk Semua'," jelasnya.

*(Sambungan di muka 5).*

(Sambungan dari muka 4).

# manfaat masa hadapan anak-anak

Seiring dengan peredaran masa, PTPTN, kata Norliza turut memperkenalkan aplikasi myPTPTN.

"Melalui aplikasi ini, pendeposit tidak perlu lagi hadir secara fizikal ke pejabat untuk melakukan sebarang urusan.

"Urusan menjadi lebih mudah, cuma perlu muat turun aplikasi melalui *App Store*, *Play Store* atau *Huawei AppGallery* dan segalanya boleh diakses di hujung jari.

"Aplikasi myPTPTN ini juga menunjukkan manifestasi PTPTN dalam menjayakan agenda pendigitalan negara dengan mengintegrasikan semua kemudahan dalam satu sistem," tambahnya.

Difahamkan, melalui aplikasi ini, pendeposit dapat menikmati pelbagai kemudahan dalam satu aplikasi secara *Single Sign On* (SSO).

Pendeposit boleh menyemak penyata pinjaman, bayaran balik pinjam, semakan penyata Simpan SSPN, membuka akaun dan menambah deposit Simpan SSPN serta permohonan potongan gaji dan debit terus bagi bayaran balik pinjam dan Simpan SSPN.

Dalam pertemuan sama, Norliza turut mendedahkan bahawa di Pulau Pinang terdapat kira-kira 15,000 peminjam yang masih belum membuat bayaran balik pinjaman PTPTN mereka.

"Kami faham dengan keadaan ekonomi sekarang ini amat mencabar untuk sesetengah graduan untuk mendapatkan pekerjaan yang stabil.

"Namun begitu, kami di PTPTN sebenarnya amat menggalakkan sekiranya mereka ini datang kepada kami untuk sama-sama mencari alternatif yang paling sesuai untuk mereka mula membayar hutang pinjaman.

"Ini mungkin termasuk menstruktur semula pembayaran balik pinjaman untuk meringankan beban kewangan mereka." jelasnya.

Sementara itu, Muhammad Muhsin menyatakan bahawa pihaknya mengalu-alukan para graduan yang memerlukan bantuan untuk bayaran balik pinjam, hadir ke Pejabat PTPTN Negeri di Permatang Pauh atau mana-mana cawangan di Bayan Baru, UTC Pulau Pinang dan Bukit Mertajam.

"Kami di PTPTN sedia membantu, sama ada untuk membuat tabungan mahupun bayaran balik," katanya.

Maklumat lanjut layari *ptptn.gov.my*.




**PROGRAM Anak Emas merupakan kolaborasi antara Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).**




No Lesen Pemajuan: 2687/03-2029/0047(A) Tempoh sah: 5.3.24 - 4.3.29 | No. Permit Iklan dan Jualan: 2687-64/07-2025/0785(N)-(L) Tempoh sah: 7.7.23-6.7.25 | Pihak Berkuasa yang meluluskan pelan: Majlis Bandaraya Seberang Perai
No. rujukan pelan bangunan: MBSP/40/20-71/44(10) Tempoh dijangka siap: December 2025 | Rumah Berkembar Dua Tingkat (34 units) RM960,000-RM1,075,300 | Rumah Kluster Dua Tingkat (32 units) RM920,000-RM1,012,100
Rumah Sesebuah Dua Tingkat (2 units) RM1,370,000-RM1,447,500
No Lesen Pemajuan: 2687/03-2029/0047(A) Tempoh sah: 5.3.24 - 4.3.29 | No. Permit Iklan dan Jualan: 2687-63/07-2025/0782(N)-(L) Tempoh sah: 6.7.23-5.7.25 | Pihak Berkuasa yang meluluskan pelan: Majlis Bandaraya Seberang Perai
No. rujukan pelan bangunan: MBSP/40/20-71/45(11) Tempoh dijangka siap: December 2025 | Rumah Berkembar Dua Tingkat (34 units) RM961,100-RM1,517,200 | Rumah Kluster Dua Tingkat (28 units) RM925,400-RM1,425,400
**Iklan ini telah diluluskan oleh Jabatan Perumahan Negara**

# Phei Sze, jurulatih cemerlang komited lahirkan atlet karate berdisiplin

**SELEPAS** menjuarai pingat emas dan gangsa masing-masing dalam *Asian Karate Federation* (AKF) dan Sukan Asia Tenggara (SEA) pada tahun 2001, atlet yang pernah memperoleh bimbingan legenda karate, Lim Lee Lee, **NICOLE LEE PHEI SZE**, 45, terus bergiat aktif sebagai jurulatih sukan karate Pulau Pinang sehingga kini.

Phei Sze kini mengendalikan kelas di lapan sekolah dan pusat di negeri ini serta menghabiskan sebahagian besar masanya melatih atlet negeri di bawah Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP).

Baru-baru ini, wartawan pelatih Buletin Mutiara, **NUR SYAKIRAH MOHD. BASRI** berkesempatan menemu bual Phei Sze bagi mengetahui usaha beliau dalam meningkatkan lagi prestasi sukan karate di negeri ini.

Memulakan bicara, Phei Sze berkata bahawa beliau mula mengajar karate bermula pada tahun 2002 di *Penang Goshin-Ryu Karate Association* (PGKA) dan baru sahaja melibatkan diri sebagai jurulatih untuk Sukan Malaysia (SUKMA) lima tahun lalu.

"Sekarang saya mempunyai seramai 40 pelajar dan atlet di bawah bimbingan saya sedang berlatih untuk menyertai SUKMA 2024 di Sarawak yang akan datang," ujarnya.

Difahamkan, latihan karate diadakan enam hari seminggu melibatkan sembilan jenis latihan selama dua jam bermula jam 8 hingga 10 malam.



PASUKAN karate di bawah bimbingan beliau.



NICOLE Lee Phei Sze.

Phei Sze turut dibantu oleh M. Dhinesh Kumar, 23, jurulatih sementara di bawahnya yang merupakan seorang pemenang pingat gangsa kategori Individu Lelaki 67 kilogram (kg) Kumite dalam Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) 2022, Universiti Pengurusan dan Sains (MSU) Pulau Pinang.

"Semua atlet dan pelajar yang menyertai karate di sini telah 'ditapis' oleh *Penang Karate Federation* (PKF) dan MSNPP bagi memastikan kesungguhan dan kecergasan mereka sebelum diserap menjadi wakil negeri.

"Sebelum ini, saya pernah mengendalikan atlet yang mempunyai prestasi yang bagus tetapi pemikiran dan mentalitinya merosot, jadi dia tidak berjaya memenangi perlawanan.

"Namun begitu, ada seorang yang tidak berapa bagus prestasinya tetapi disebabkan keyakinan dan fokusnya dalam perlawanan membuatkan dia memenangi perlawanan tersebut.

"Justeru, saya mahukan atlet yang komited dan berdisiplin sahaja kerana sukan (karate) ini amat mementingkan disiplin dan kefokusan diri di samping prestasi, bakat, pemikiran dan juga kecergasan," tegasnya.

## SUKMA Sarawak

Phei Sze juga berkongsi bahawa kini atlet di bawah bimbingannya sudah mula membuat persediaan bagi menghadapi SUKMA 2024 di Sarawak.

"Bagi SUKMA Sarawak 2024, majoriti atlet merupakan atlet baru, jadi saya hanya akan hantar yang mempunyai kualiti terbaik dalam kalangan mereka.

"Pemilihan adalah berdasarkan teknik mereka berlawan dan kami masih dalam proses penilaian kekuatan para atlet di akademi ini.

"Saya tidak meletakkan harapan yang tinggi memandangkan ramai 'wajah baharu', tetapi saya berharap sekurang-kurangnya satu pingat emas untuk negeri dibawa pulang oleh salah seorang atlet yang menyertai temasya itu nanti," tambahnya yang juga jurulatih kepada pemenang pingat emas kategori bawah 84 kg Kumite di Sukan Asia 2023, Muhamad Arif Afifuddin Ab. Malik dekat Hangzhou, China.

## Cabaran

Ditanya mengenai cabaran sepanjang menjadi jurulatih, Phei Sze menyatakan bahawa antaranya adalah berhadapan dengan pelajar yang berbeza jurulatih.

"Gabungan bersama PKF melibatkan jurulatih atau pengajar yang dari latar belakang dan teknik yang berbeza.

"Terdapat sesetengah pengajar yang betul-betul niat untuk mengajar atlet menjadi jaguh, tetapi ada pengajar yang hanya 'reti' buat aduan mengenai atlet yang tidak mahir sebagainya dan perkara ini membuatkan saya simpati dengan nasib para atlet yang kurang bernasib baik.

"Selain itu, masa latihan juga antara cabaran utama kerana kebanyakan atlet atau pelajar merupakan pelajar sekolah dan juga universiti, sukar jika masa berlatih kurang kerana kehandalan seseorang atlet itu bergantung kepada perkembangan mereka berlatih setiap hari," jelasnya.

Menamatkan sesi wawancara, Phei Sze merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada PKF dan MSNPP kerana banyak membantu akademinya dari dulu sehingga kini.

"Oleh itu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Pengarah MSNPP, Harry Chai Heng Hua kerana banyak membantu saya daripada *'nobody to somebody'* sehingga saya mempunyai kumpulan atlet tersendiri.

"Tanpa sokongan MSNPP, sangat sukar untuk saya berada di tahap ini bersama-sama akademi karate ini dan juga terima kasih kepada PKF kerana sering memberi sokongan dari belakang kepada jurulatih," katanya menutup bicara.



SEBAHAGIAN latihan yang dijalankan.



# Sampah hanyut Pulau Gazumbo, rakyat perlu peka

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**



KEADAAN sampah di Pulau Gazumbo.

**PANTAI JEREJAK** – Sempena Sambutan Hari Bumi Sedunia dan *'Earth Clean Up Day'* Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) mengambil inisiatif membersihkan Pulau Gazumbo yang terletak bersebelahan dengan Jambatan Pulau Pinang.

Inisiatif tersebut telah berjaya mengumpulkan sampah seberat 735.2 kilogram (kg) iaitu bersamaan dengan 196 keping beg plastik sampah bersaiz besar.

Ketua Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran MBPP, Mohd. Taufik Junik berkata, antara sampah hanyut yang dikutip adalah botol plastik, plastik sekali guna, penyedut minuman, polistirena dan sisa-sisa lain seperti helmet, kasut, beg serta botol kaca.



**MOHD. Taufik Junik.**

"Inilah keadaan yang kita dapat lihat di sekitar Pulau Gazumbo yang menjadi lokasi sampah-sampah hanyut dari muara-muara sungai sama ada di sekitar pulau mahupun Seberang Perai yang dibuang umum.

"Jadi, adalah amat penting untuk masyarakat kita sedar tentang keburukan yang mungkin selama ini kita pandang remeh namun impak pencemaran adalah amat membimbangkan.



**A. Rajendran.**

"Jumlah kutipan seberat 735.2kg ini hanya sebahagian yang sempat dikutip, kalau kita tengok, banyak lagi yang ada dan mungkin akan bertambah lagi selepas ini kalau sikap masyarakat masih tidak berubah," ujarnya kepada Buletin Mutiara ketika ditemui di sini 22 April lalu.

Turut hadir, Datuk Bandar MBPP, Dato' Ir. A. Rajendran yang turut memberikan kata-kata semangat kepada kakitangan MBPP seawal pagi sebelum berlepas dari jeti Pulau Jerejak dekat Bayan Mutiara.

Selain Pulau Gazumbo, MBPP turut menjalankan pembersihan di Pulau Jerejak, Dataran Queensbay dan Padang Kota.

Dalam pada itu, Rajendran menyatakan bahawa masyarakat akan peka tentang isu berkaitan sekiranya melihat tahap pencemaran yang terjadi di Pulau Gazumbo akibat perbuatan manusia sendiri.

"Saya difahamkan bahawa pulau itu sendiri sebenarnya kaya dengan biodiversiti laut seperti rumpai laut dan sebagainya.

"Kita boleh lihat plastik menjadi punca utama pencemaran, sebab ia tidak mudah terurai, kita akan kumpul dan tunjukkan kepada penduduk Pulau Pinang.

"Selepas semua sampah ini dikutip, bahan-bahan plastik yang terkumpul akan dikitar semula untuk dijadikan bahan lain yang berguna," ulasnya lanjut.


CASA RICA
SETIA GREENS




Kediaman Eksklusif Berinspirasikan Reka Bentuk Sepanyol

5% BUMIPUTERA DISKAUN

Rumah Berkembar 2 dan 3 Tingkat di Sungai Ara, Pulau Pinang

Stay Together. Stay Setia
livelearnworkplay

Hubungi kami : 604 576 2255
www.spsetia.com
Kewira Jaya Sdn Bhd (504851-V)
2296, Lingkaran Setia, Bandar Setia Fontaines, 13200 Kepala Batas, Pulau Pinang.
E spi-sales@spsetia.com

Setia

Kewira Jaya Sdn Bhd • Casa Rica: Rumah Kembar 2 Tingkat dan 3 Tingkat (38 unit) • No. Lesen Pemaju: 11461/09-2028/1149 (R) • Tempoh Sah: 01/10/2023 - 30/09/2028 • No. Permit Iklan dan Jualan: 11461-6/09-2024/0242(R)-(L) • Tempoh Sah: 01/10/2023 – 30/09/2024 • Hak Milik Tanah: Hak Milik Kekal • Tarikh Dijangka Siap: Disember 2024 • Pelan Bangunan Diluluskan Oleh: Majlis Bandaraya Pulau Pinang • No. Rujukan: MBPP/ILCS-OSC/PB321/21(LB) • Bebanan Tanah: Ambank (M) Berhad • Harga: Minimum RM2,013,000.00, Maksimum RM2,710,510.00

Kewira Jaya Sdn Bhd • Casa Rica: Rumah Kembar 2 Tingkat (22 unit) • No. Lesen Pemaju: 11461/09-2028/1149 (R) • Tempoh Sah: 01/10/2023 - 30/09/2028 • No. Permit Iklan dan Jualan: 11461-7/11-2024/0318(N)-(L) • Tempoh Sah: 11/11/2022 – 10/11/2024 • Hak Milik Tanah: Hak Milik Kekal • Tarikh Dijangka Siap: November 2024 • Pelan Bangunan Diluluskan Oleh: Majlis Bandaraya Pulau Pinang • No. Rujukan: MBPP/ILCS-OSC/PB864/21(LB) • Bebanan Tanah: Ambank (M) Berhad • Harga: Minimum RM2,258,410.00, Maksimum RM3,098,920.00




RUPA bentuk robot yang dibawa ke *FTC World Championship.*

# FTC World saksi kehebatan

**SELEPAS** berjaya merangkul pingat emas dalam cabaran *First Tech Challenge (FTC) Malaysia* bagi musim 2023/2024 pada 17 hingga 18 Januari lalu, kini pasukan *Pasirian Rex* membawa nama Malaysia ke persada antarabangsa pula.

Pada 13 April 2024, lima daripada lapan anggota pasukan Kelab Robotik dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Permatang Pasir terbang ke Amerika Syarikat bagi meneruskan lagi cabaran di *FTC World Championship* yang berlangsung di Houton, Texas.

Mereka ialah ketua pasukan, **ARASH BADLISHAH HUZAINOL HISHAM** berserta ahli-ahli pasukannya, **KASIH DAMIA MAIRA MAHADZIR, KASIH DANIA AYDINA MAHADZIR, AINUR AMYLIA MD. ISA** dan **MUHAMMAD AKMAL FARISH EFFENDY** yang ditemani oleh guru merangkap pembimbing pasukan, **SARISAH ANJANG** serta sukarelawan yang juga mentor dari Jabil Circuit Sdn. Bhd. (Jabil), S. Thavan.

Baru-baru ini, pasukan *Pasirian Rex* turut mendapat tajaan daripada Jabil berjumlah RM50,000 bagi menampung sebahagian daripada perbelanjaan perjalanan mereka untuk ke pertandingan tersebut.

## Aktif sertai pertandingan

Ketika ditemui Buletin Mutiara, Sarisah memaklumkan bahawa walaupun aktif menyertai pelbagai pertandingan berkaitan robotik sejak tahun 2021, namun ini merupakan kali pertama pasukan *Pasirian Rex* layak ke *FTC World Championship*.

"Apa yang membanggakan adalah sekolah pinggir bandar seperti SMK Permatang Pasir yang mana para pelajar kebanyakan terdiri daripada golongan pertengahan dan berpendapatan rendah layak bersaing dalam pertandingan robotik pada peringkat dunia.

"Sebenarnya, kami tidak terlalu fokus kepada *FTC World Championship*, sebaliknya saya menggalakkan mereka menyertai pelbagai pertandingan robotik bagi meningkatkan minat dan mendapatkan pengalaman.



**PENGETUA SMK Permatang Pasir, Roslina Hasim antara yang menjadi tulang belakang *Pasirian Rex*.**

"Melalui penglibatan itulah mereka mendapat banyak pengalaman termasuk untuk membina program *(coding)* di samping memperkemaskan lagi reka bentuk dan fungsi robot yang dibangunkan.

"Untuk ke pertandingan kali ini, mereka perlu melakukan latihan dan menyiapkan robot pada hujung minggu dari 10 pagi hingga 5 petang termasuk membuat penyelidikan, pengekodan dan kerja-kerja berpasukan yang lain," katanya kepada penulis Buletin Mutiara, **SUNARTI YUSOFF** dan jurugambar, **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS** ketika ditemui dekat SMK Permatang Pasir pada 3 April lalu.

Bercerita mengenai awal penglibatan Kelab Robotik SMK Permatang Pasir dalam FTC, Sarisah memaklumkan bahawa penyertaan mereka pada mulanya adalah sekadar untuk mencuba dan hanya mendapat tempat ke lapan daripada 11 pasukan yang bertanding.

"Apabila masuk musim kedua (FTC), saya meletakkan sasaran lebih tinggi untuk mendorong mereka melaksanakan idea lebih baik melibatkan reka bentuk, membina dan memprogram robot serta mencipta penyelesaian yang lebih kreatif dan inovatif.

"Menghasilkan sebuah robot sebenarnya agak rumit dan memerlukan






**ARASH Badlishah Huzainol Hisham (tiga dari kiri) bersama-sama rakan sepasukan, Kasih Damia Maira Mahadzir (kanan sekali), Kasih Dania Aydina Mahadzir (dua dari kanan), Ainur Amylia Md. Isa (kiri sekali) dan Muhammad Akmal Farish Effendy (tiga dari kanan).**

kita berfikir dan menaakul kerana setiap fungsi komponennya adalah saling berkaitan yang mana adakalanya kami mengambil masa sehingga satu atau dua bulan untuk menyiapkan satu robot.

# Championship Pasirian Rex




BERSAMA-sama guru dan rakan sepasukan ketika memenangi salah satu pertandingan yang disertai.




ANTARA fungsi robotik yang telah diprogramkan.

"Sebab itulah, pada awalnya mereka agak keberatan untuk menyertai *FTC World Championship* kerana memikirkan tekanan yang bakal dihadapi, tetapi sebagai guru yang bertanggungjawab, saya menasihati mereka untuk mengambil peluang ini.

"Isunya bukan kami hendak ke Texas semata-mata tetapi lebih penting adalah pengalaman yang bakal kami peroleh di sana selain ia akan menjadi kenangan terindah buat pelajar-pelajar dan saya sendiri apabila sudah bersara nanti," katanya.

Justeru, Sarisah mengucapkan terima kasih kepada pihak Jabil dan *Penang Science Cluster* (PSC) kerana memberi peluang kepada pelajar SMK Permatang Pasir dengan menyediakan dana dan bantuan peralatan robotik.

## Motivasi penerus semangat

Sementara itu, Arash Badlishah menjelaskan bahawa penglibatannya dalam pertandingan robotik adalah sejak di Tingkatan 2 lagi.

"Selain FTC, saya juga ada menyertai pertandingan robotik yang lain seperti pertandingan Petrosains, Karnival STEM, pertandingan lego dan sebagainya," ujarnya.

Menurutnya, beliau pernah berasa berputus ada sehingga membuat keputusan untuk menarik diri daripada kejuaraan FTC, namun membatalkan hasrat tersebut atas nasihat guru pembimbingnya.

"Saya merasakan bahawa robotik memberikan tekanan kepada saya, dan pada waktu itu boleh dikatakan saya hampir berputus asa.

"Namun, dengan motivasi yang diberikan oleh Cikgu Sarisah, pandangan saya terhadap robotik mula berubah daripada sesuatu yang serius dan sukar kepada aktiviti yang menyeronokkan dan dapat mencungkil lagi bakat yang ada pada diri saya.

"Ini kerana pertandingan robotik memerlukan kita untuk berfikir secara kritis," katanya yang kini berada di Tingkatan 5.



SARISAH Anjang.

Arash Badlishah menyatakan bahawa ketika menyertai FTC Malaysia pada peringkat Negeri Pulau Pinang, beliau pada awalnya tidak meletakkan harapan terlalu tinggi sehingga ke kejohanan dunia.

"Saya sasarkan dapat masuk peringkat akhir atau paling kurang separuh akhir tetapi syukur rezeki menyebelahi kami, dan kami dijemput untuk bertanding dalam *FTC World Championship*.

"Pada mulanya saya rasa agak sukar, tetapi dengan semangat dan sokongan yang diberikan oleh guru-guru serta ibu bapa, saya membuat keputusan untuk menyertai pertandingan di Texas," jelasnya.

Ditanya mengenai bagaimana beliau menyeimbangkan antara minat terhadap robotik dan akademik, Arash Badlishah memberitahu bahawa pembahagian masa serta disiplin adalah amat penting.

"Semasa sesi pembelajaran di dalam kelas, saya memang akan memberikan tumpuan sepenuhnya kepada guru-guru yang mengajar dan paling penting saya perlu bijak mengatur masa," katanya menutup bicara.



| ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.26 PADANG KOTA**<br>YAB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **N.37 BATU MAUNG**<br>YB Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid<br>mohdhamid@penang.gov.my | (T) 04 - 626 1442<br>(F) 04 - 626 1442 |
| **N.29 DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh Deo<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 261 8715 |
| **N.15 PADANG LALANG**<br>YB Gooi Zi Sen<br>gooizisen@penang.gov.my | (T) 04 - 530 3028 |
| **N.16 PERAI**<br>YB Dato' Seri Sundarajoo A/L Somu<br>n16.kadunperai@gmail.com | (T) 04 - 397 3600 |
| **N.19 JAWI**<br>YB H'ng Mooi Lye<br>n19dunjawi@gmail.com | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| **N.21 SUNGAI ACHEH**<br>YB Rashidi Bin Zinol<br>n21sgachehpk@gmail.com | (T) 04 - 593 2408<br>(F) |
| **N.22 TANJONG BUNGA**<br>YB Zairil Khir Johari<br>tanjongbunga@bukitbendera.org | (T) 04 - 818 3866<br>(F) 04 - 262 5952 |
| **N.30 SUNGAI PINANG**<br>YB Lim Siew Khim<br>limsiewkhim@penang.gov.my | (T) 04 - 657 6630<br>(F) 04 - 658 6630 |
| **N.34 PAYA TERUBONG**<br>YB Wong Hon Wai<br>wonghonwai1973@gmail.com | (T) 04 - 826 1898<br>(F) |
| **N.36 PANTAI JEREJAK**<br>YB Fahmi Zainol<br>fahmizainol@penang.gov.my | (T) 04 - 293 7545<br>(F) 04 - 293 7546 |
| **N.02 BERTAM**<br>YB Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican<br>dsrmpusatkhidmat@gmail.com | (T)<br>(F) |
| **N.07 SUNGAI PUYU**<br>YB Phee Syn Tze<br>n07sungaipuyu@gmail.com | (T) 012 - 428 5594<br>(F) |
